

Sambutan Maulidur Rasul Sekolah-sekolah Peringkat Negeri Sabah 22 Mei ini

PUTATAN: Sambutan Majlis Maulidur Rasul Sekolah-sekolah Peringkat Negeri Sabah Tahun 1425 H/ 2004 M, akan diadakan Sabtu ini di Dewan Sa'adah, Wisma Muis Kota Kinabalu, bermula jam 8 pagi hingga 11.30 tengah hari.

Program ini bagi memperingati dan menghayati sirah Nabi Muhammad S.A.W sebagai teladan, menyemai dan menyemarakkan rasa cinta serta sayang kepada Nabi Muhamad S.A.W dan menjalin hubungan ukhuwah Islamiah di kalangan pelajar melalui aktiviti kokurikulum Pendidikan

Islam, sesuai dengan tema 'Negara Maju Matlamat Kita'.

Antara pengisian program ini ialah, Forum Maulidur Rasul yang akan dipengerusikan oleh Ustaz Saifulzaman Sangul, Penolong Pengarah Dakwah dan Kepimpinan, SPPIM, Jabatan Pendidikan Sabah. Ahli Panel terdiri daripada Ustaz Bongsu Aziz, pensyarah UiTM Sabah, Ustaz Sarif Adul, Pensyarah UMS Kota Kinabalu, dan Ustaz Japran Kusin, Penolong Kanan Hal Ehwal Murid, SMK Agama Tun Said Kota Belud.

Anugerah Surau Bintang

Kinabalu bagi kategori Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah, serta Anugerah Pelajar Cemerlang, dijangka akan disampaikan pada majlis tersebut.

Majlis ini dijangka akan dirasmikan oleh Ustaz Suhaili Hj Said, Adun Tunku, Lahad Datu, merangkap Pengerusi Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah.

Warga pendidik khususnya, pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah Bahagian Kota Kinabalu dijemput dan dialu-alukan hadir bagi memeriahkan lagi majlis sambutan itu.